

23/10/1997

Britain galak melabur di Malaysia

Karim Sulaiman in London

LONDON, Rabu - Kerajaan Britain akan terus memberi sokongan dan menggalakkan pelabur serta ahli perniagaan negara itu melabur atau mengadakan kerjasama dengan ahli perniagaan Malaysia.

Menteri Negara bagi Hal Ehwal Luar dan Komanwel Britain, Derek Fatchett, berkata Malaysia mempunyai rekod pencapaian ekonomi cemerlang yang menyakinkan pelabur Britain untuk terus melabur di Malaysia.

Menurutnya, pelabur Britain tidak sepatutnya terpengaruh dan bimbang untuk melabur di Malaysia berikutan kegawatan pasaran kewangan negara baru-baru ini.

"Saya yakin pelabur Britain tidak mudah terpengaruh dengan keadaan sekarang.

"Kita tidak sepatutnya menjadi seperti George Soros yang `berjudi' (untuk mengaut keuntungan dalam jangka pendek).

"Saya percaya pelabur dan ahli perniagaan Britain tidak seperti Soros kerana yakin Malaysia mempunyai struktur dan perancangan ekonomi jangka panjang.

"Malaysia masih menjadi tempat pelaburan paling menarik bagi pelabur Britain dalam jangka panjang," katanya dalam ucapan balas selepas Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, menyampaikan ucapan pembukaan persidangan Dialog London: Perkongsian Malaysia -Britain di sini, semalam.

Dialog bertemakan Malaysia Dan Britain: Rakan Kongsi Dinamik Untuk Abad Ke-21 itu anjuran bersama Institut Kepemimpinan dan Strategi Asia (Asli), Asia House dan Pusat Kajian Komanwel Malaysia di Universiti Cambridge.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sepatutnya hadir untuk menyampaikan ucapan di dialog itu.

Bagaimanapun, Perdana Menteri membatalkan kehadirannya atas sebab kesihatan.

Sementara itu, Presiden Lembaga Perdagangan dan Setiausaha Negara bagi Perdagangan dan Industri Britain, Margaret Beckett, turut memberikan jaminan dan keyakinan pelabur Britain terhadap Malaysia.

Dalam ucapannya pada majlis yang sama, beliau menyatakan komitmen Britain untuk mewujudkan kerjasama perdagangan produktif dengan Malaysia.

Menurutnya, kerjasama erat dalam pelbagai bidang termasuk perdagangan di antara Malaysia dan Britain tidak mudah dipadamkan dengan keadaan yang berlaku di Malaysia sekarang.

"Kita boleh membantu antara satu sama lain dengan bekerjasama dan saya berharap kita dapat memupuk perkongsian lebih erat dengan rakan di Malaysia.

"Saya akan melakukan sedaya mungkin untuk menggalakkan kerjasama erat antara kita," katanya.

Dialog sehari itu mendapat sambutan menggalakkan apabila hampir 300 ahli perniagaan, perdagangan, tokoh korporat dan pendidikan Britain hadir pada majlis itu.

(END)